

08 APR 2001

Nik Aziz-balak

KERAJAAN KELANTAN MAHU DAKWA PEMBALAK HARAM

KOTA BAHARU, 8 April (Bernama) -- Kerajaan negeri Kelantan akan mendakwa mereka yang dikenal pasti melakukan pembalakan haram di negeri ini berdasarkan bukti-bukti yang diperolehi, kata Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Ada tempat-tempat tertentu yang saya lihat sendiri videonya bagaimana hutan-hutan diceroboh oleh pembalak haram dan mengakibatkan kerosakan yang begitu ketara.

"Mereka yang terbabit akan dibawa ke mahkamah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kampus dan Hari Terbuka Institut Teknologi Darulnaim (ITD) Pengkalan Chepa dekat sini, hari ini.

Beliau enggan menyatakan siapa pihak berkenaan dan bila mereka akan dihadapkan ke mahkamah tetapi berkata kegiatan haram itu menyebabkan kerajaan negeri kerugian berjuta-juta ringgit setahun selain memusnahkan alam sekitar.

"Pokok ibu balak pun dia tebang sedangkan pokok itu tidak dibenarkan tebang... pokok ibu ini akan mengambil masa berpuluh-puluh tahun pula untuk tumbuh semula," katanya.

Nik Aziz berkata pembalakan haram itu berlaku sebelum PAS mengambil alih pemerintahan kerajaan negeri Kelantan pada 1990.

Bagi mengatasi masalah itu, kerajaan negeri PAS mengambil pelbagai langkah termasuk menukarkan pemberian kontrak pembalakan secara rundingan dan kepada sistem tender terbuka bermula 1998, katanya.

Melalui sistem tender terbuka, hanya syarikat yang menawarkan tender tertinggi dan berkeupayaan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan akan memperolehi kontrak itu.

Beliau juga diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa berucap merasmikan persidangan perwakilan Umno bahagian Gua Musang di Gua Musang semalam yang antaranya menyebut Kelantan ketinggalan dari segi pembangunan kerana ia ditadbir oleh pemimpin yang tidak cekap.

Nik Aziz, yang juga Mursyidul Am PAS berkata, "itu dia (PM) cakap dalam parti (Umno) atas urusan parti, kami orang parti (PAS) pun boleh kata mereka tak cekap sebab berlaku bermacam-macam seperti berlakunya kemelesetan ekonomi".

Institut Teknologi Darulnaim (ITD) ditubuhkan pada 1997 oleh Permodalan Kelantan Berhad, iaitu sebuah anak syarikat milik Perbadanan Kemajuan Ikhtisad Negeri Kelantan (PKINK).

ITD menjalankan kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bagi menawarkan program-program diploma kepada 600 pelajar antaranya ialah diploma pengurusan teknologi, diploma sains komputer dan diploma kejuruteraan (elektrik/elektronik).

Pengerusi Lembaga Pengelola ITD Aziz Nawawi berkata objektif ITD adalah mengoptimumkan peluang daripada polisi penswastaan Kementerian Pendidikan bagi member peluang pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi.

--BERNAMA

BD NAK